

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2016

Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramaikah para pencarum KWSP menggunakan akaun 2 bagi menyelesaikan hutang PTPTN mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 54 (6) Akta KWSP 1991 membenarkan ahli untuk membuat pengeluaran KWSP bagi membiayai pengajian tinggi bagi dirinya atau / dan anaknya. Kelayakan adalah berdasarkan amaun simpanan dalam Akaun 2, fi pengajian atau pinjaman pendidikan, mengikut mana yang rendah.

Peringkat penggajian yang diluluskan adalah Diploma ke atas dan yang setara dengannya. Cara bayaran adalah secara bayaran balik kepada ahli atau bayaran terus kepada Institusi pendidikan yang berkenaan.

Bagi tahun 2015, sebanyak 65,787 bilangan permohonan pengeluaran pendidikan yang telah diluluskan oleh KWSP dengan jumlah amaun sebanyak RM 578.2 juta. Pengeluaran pendidikan yang melibatkan PTPTN adalah dirujuk seperti berikut :

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
2015	26,568	209,226,152.21
2016 (setakat April)	33,824	235,691,372.94